

UMS lengkapkan pelajar pengetahuan kewangan

Meterai MoU dengan Tijarah Holding Ltd, institusi pembangun blok rantai yang patuh syariah

UB 14.02.2024 P.04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Tijarah Holding Ltd, satu institusi pembangun blok rantai yang patuh syariah sebagai usaha melengkapkan para pelajar UMS dengan pengetahuan dalam bidang teknologi kewangan (fintech), khususnya berkaitan blockchain.

MoU itu ditandatangani oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor bagi pihak UMS, manakala Tijarah Holding Ltd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif John Joseph Pellegrini di sini kelmarin.

Terdahulu, Kasim dalam ucapannya berkata, Fintech dilihat semakin berkembang di Malaysia hasil dorongan peningkatan permintaan daripada penduduk majoriti Islam dan penduduk berkemahiran teknologi.

“Menurut laporan dari industri, landskap fintech negara terus menunjukkan pertumbuhan yang teguh, dengan terdapat lebih 300 syarikat fintech yang beroperasi di Malaysia, merangkumi pelbagai kategori termasuk e-dompet, pembayaran, pinjaman,



KENANGAN: Kasim dan John merakamkan gambar bersama pegawai utama UMS dan wakil dari Tijarah Holding Ltd.

wealthtech, insurtech, dan blockchain atau mata wang kripto (cryptocurrency).

“Penggunaan teknologi blockchain semakin berkembang dalam banyak industri, dan dipercayai bahawa institusi kewangan Islam juga boleh mendapat manfaat daripada teknologi ini kerana lebih berdaya saing dan selaras dengan

objektif zakat,” katanya.

Beliau berkata, kajian yang memfokuskan kepada potensi teknologi blockchain dan keberkesanannya dalam memudahkan sistem pengurusan kewangan Islam negara semakin berkembang, namun kurang perbincangan mengenai penyesuaian teknologi itu dalam pengurusan kewan-

gan Islam untuk menjadikannya berfungsi.

“Kebanyakan penyelidikan tertumpu kepada negara seperti Indonesia, dan walau pun terdapat peningkatan penyelidikan di Malaysia, penyelidikan mendalam masih kurang.

“Isu kewangan Islam di Malaysia lebih tertumpu ke-

pada isu berkaitan ketiadaan data di laman sesawang setiap negeri dan platform media sosial yang kurang menarik dan kurang berkesan dalam aspek komunikasi.

“Ini menunjukkan bahawa Malaysia kini memerlukan sistem pengurusan kewangan Islam yang lebih baik untuk kemudahan pengguna,” ka-

tanya.

Kasim turut melihat terdapat keperluan pembangunan modal insan bagi menyokong perkembangan fintech.

“Justeru, UMS mengambil inisiatif menyokong usaha ini melalui pemeteraihan MoU bagi menyumbang kepada pembangunan sumber manusia selaras dengan peranan penting universiti sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi di Sabah.

“Kolaboratif dengan pemain industri akan membolehkan universiti mendedahkan pelajar kepada amalan dan pemahaman terkini dalam bidang blockchain dan fintech ini,” jelasnya.

Hadir sama, Ketua Pembangunan Pendidikan Tijarah Holding, Prof. Datuk Dr. Jayles Yeoh; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin; Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar; Bendahari UMS, Badrul Hisham Ismail; Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal; dan Eksekutif Pembangunan Perniagaan Tijarah Holding, Shahirah Sundu.